

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
17 APRIL 2020**

**PERKARA : 5(B)(VII)7**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU UBAN  
YB. KUMARESAN A/L ARAMUGAM**

7. Industri Pelancongan Pulau Pinang merupakan salah satu penyumbang terbesar kepada ekonomi negeri dan akibat Wabak COVID-19 industri ini terjejas teruk.
- (a) Apakah rancangan khas bagi memulihkan industri pelancongan di Pulau Pinang?
  - (b) Nyatakan skim bantuan atau insentif yang disediakan oleh Kerajaan Negeri bagi membantu mereka.

**YB. YEOH SOON HIN  
MENJAWAB BAGI PIHKAK Y.A.B KETUA MENTERI**

7. (a) Rancangan khas bagi memulihkan industri pelancongan di Pulau Pinang susulan daripada wabak COVID-19 adalah berdasarkan kepada Pelan Tindakan Pemulihan Pelancongan (*Tourism Recovery Action Plan*) seperti berikut:
- (i) Menangguhkan kempen promosi, pemasaran dan program-program pelancongan dalam jangka masa pendek sehingga situasi wabak COVID-19 dapat dikawal;
  - (ii) Bekerjasama dengan penggiat industri pelancongan seperti agensi kerajaan, hotel penginapan, agen pelancongan, pengusaha tempat tarikan pelancong dan syarikat penerbangan bagi membincang dan

menghasilkan rancangan yang komprehensif di bawah Pelan Tindakan Pemulihan Pelancongan;

- (iii) Memberi tumpuan kepada pasaran pelancongan domestik dalam jangka masa pendek dan sederhana. Promosi seperti pameran dan pengiklanan akan dilaksanakan kepada pasaran domestik. Pejabat PETACH juga menyokong promosi bagi kempen *Penang Lang 50% Off oleh Association of Tourism Attractions Penang* (ATAP) dan akan terus dikaji untuk dipanjangkan kepada pelancong-pelancong domestik;
  - (iv) Menghasilkan video promosi Pulau Pinang sebagai destinasi pelancongan yang selamat; dan
  - (v) Bagi jangka masa panjang, kempen promosi dan pemasaran akan diteruskan bagi memulihkan pasaran pelancongan domestik dan antarabangsa.
- (b) Skim bantuan atau insentif yang disediakan oleh Kerajaan Negeri bagi membantu golongan yang terkesan akibat wabak COVID-19 adalah seperti berikut:
- (i) Pemberian bantuan tunai *one-off* RM500 kepada peniaga kecil dan penjaja berlesen;
  - (ii) Pemberian bantuan tunai *one-off* RM500 kepada pemandu pelancong;
  - (iii) Pemberian RM500 wang insentif kepada pemandu teksi dan penarik beca;
  - (iv) Pemberian bantuan tunai *one-off* RM300 kepada pemandu *e-hailing*;
  - (v) Pengecualian sewa premis-premis perniagaan Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT); dan
  - (vi) Memberikan pinjaman tanpa faedah kelangsungan perniagaan Pulau Pinang kepada golongan usahawan.

Kerajaan Negeri dalam rancangan untuk memberi bantuan kepada pemandu bas persiaran, van persiaran dan limosin yang berdaftar di Pulau Pinang.